

Strategi pembangunan 5 tahun tingkat daya saing negara

BH - 26/10/2021 m/s: 36

8 teras,
40 cadangan
bakal perkukuh
kedudukan
perdagangan
Malaysia

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Rangka Tindakan Perdagangan Nasional yang digariskan kerajaan dan dilancarkan semalam akan meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai pengeksporth terunggul, demikian kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, rangka tindakan itu menggariskan strategi dan inisiatif pembangunan lima tahun (2021-2025) dengan lapan teras strategik dan 40 cadangan bagi menyediakan peluang untuk memperkukuhkan kedudukan Malaysia di arena antarabangsa.

Katanya, ia juga menangani perubahan struktur yang diperlukan untuk sektor eksport berkembang maju menerusi pengukuhan mudah cara perdagangan, logistik, pematuhan standard, akses pasaran, kemampuan, pen-



Ismail Sabri melancarkan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional secara maya, semalam.

digitalan dan teknologi, pelaburan dan penjenamaan.

Cadangan itu, jelasnya, akan dilaksanakan oleh lapan kumpulan kerja yang terdiri daripada pakar dari sektor awam dan swasta.

“Rangka tindakan ini mencerminkan cita-cita jelas kerajaan untuk memajukan lagi kedudukan dan daya saing Malaysia dalam perdagangan antarabangsa.

“Paling penting, rangka tindakan itu ditetapkan untuk melengkapi dasar yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk mencapai sasarannya dengan cadangan yang jelas, boleh diambil tindakan dan lebih fokus,” katanya pada pelancaran Rangka Tindakan Perdagangan Nasional yang diadakan

secara maya di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Lapan teras strategik rangka tindakan itu adalah mengukuhkan ekosistem eksport; melonjakkan kapasiti dan keupayaan pengeksporth; meningkatkan kemampuan eksport; menggalakkan pertumbuhan eksport menerusi teknologi dan e-dagang; memudahkan cara dan meluaskan akses pasaran; mempromosikan barangan dan jenama tempatan; memacu pertumbuhan menerusi pelaburan dan kepelbagaian eksport dan menggalakkan kelestarian dan inovasi.

an akan membawa kejayaan.

“Rangka tindakan ini akan meningkatkan daya saing perdagangan negara dan mengukuhkan kedudukan sebagai negara pengeksporth terkemuka,” katanya.

Ismail Sabri berkata, rangka tindakan itu juga seharusnya bertindak sebagai pemangkin untuk mengenal pasti sumber daya saing masa depan Malaysia, berdasarkan pada pemahaman yang tepat mengenai pasaran penawaran dan permintaan global dengan kerjasama yang seragam antara kerajaan dan sektor swasta.

Beliau berkata, sementara memberi manfaat kepada komuniti perniagaan Malaysia, rangka tindakan itu juga akan mempengaruhi rakyat secara positif.

“Selain menyokong agenda ekonomi yang sejajar dengan landscape sosial negara, teras utama dan cadangan rangka tindakan berusaha ke arah inklusif, agihan kekayaan yang adil, merapatkan jurang ketidaksempurnaan, meningkatkan kehidupan rakyat Malaysia, serta memberi kesan positif untuk negara menerusi generasi pendapatan tinggi,” katanya.

Ismail Sabri juga melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan mencapai kemuncak baharu pembangunan ekonomi, dipacu pertumbuhan eksport yang kukuh dengan sokongan teguh ekosistem perniagaan serta komitmen dari semua pihak dalam rantaian nilai.

Ismail Sabri berkata, rangka tindakan itu juga melengkapkan dasar dan pelan induk lain, ke arah matlamat utama iaitu rangka kerja eksport yang lebih baik.

Beliau berkata, ia sejajar dengan landscape perdagangan dan keperluan komuniti perniagaan semasa.

Katanya, rangka tindakan itu memerlukan perbincangan dan pelaksanaan berkesan terhadap cadangan yang digariskan untuk meningkatkan daya saing perdagangan.

“Saya percaya pelaksanaan rangka tindakan, yang membatikn kerjasama dan komitmen yang jitu daripada pelbagai kementerian, agensi dan sektor swasta dalam ekosistem perniagaan